

28/03/1997

Bandar wawasan di Gambang

Hatipah Ahmad

HASRAT Malaysia menjadi negara perindustrian dan berteknologi tinggi menjelang tahun 2020 semakin mencapai matlamatnya, berikutan lahirnya beberapa model bandar wawasan baru yang diwujudkan di seluruh negara.

Antara bandar wawasan baru yang cuba diwujudkan di seluruh negara dalam merealisasikan Wawasan 2020 ialah Bandar MEC di Gambang, Pahang yang khusus dalam pembuatan barangan elektrik dan elektronik.

Selain itu, bandar wawasan lain yang turut dicadangkan ialah Bandar Proton di Tanjung Malim dan Peramu Jaya (automotif), Putrajaya (pentadbiran dan teknologi maklumat), Kulim (industri berteknologi tinggi), Gebeng (pusat kimia dan petrokimia), Muadzam Shah (seramik).

Walaupun, masa yang diperlukan untuk mencapai sasaran tahun 2020 itu masih ada 23 tahun lagi, langkah kerajaan dan sektor swasta di negara ini tidak membuang masa patut dipuji.

Ini kerana, mereka tidak bersikap alpa dan membuat keputusan mengikut perancangan yang tepat kerana menyedari tahun 2000 adalah permulaan bagi segala perubahan dasar ekonomi dunia seperti Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Pertubuhan Perdagangan Sejagat (WTO).

Oleh itu, rancangan kerajaan untuk melahirkan sendiri barangan elektrik dan elektronik buatan sendiri di negara ini, dibuktikan dengan wujudnya Bandar MEC di Kuantan.

Kawasan perindustrian yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memperlihatkan usaha kerajaan menuju era pembangunan perindustrian baru selaras membentuk identiti Malaysia dan barangan buatan tempatan.

Projek Bandar MEC di kawasan seluas 1,200 hektar di Gambang, dekat Kuantan itu akan dibangunkan oleh Malaysia Electric Corporation Sdn Bhd (MEC), anak syarikat Kuala Lumpur Industries Holdings Bhd (KLIH).

Presiden yang juga Ketua Eksekutif MEC, Datuk Seri Teong Teck Leng, berkata seperti projek kebangsaan lain, Bandar MEC akan mengeluarkan barangan elektrik berjenama Malaysia kerana rakyat negara ini sudah terlalu lama menggunakan dan terdedah dengan barangan jenama asing.

Katanya, sebenarnya setiap barangan termasuk komponen dan peralatan yang dihasilkan menggunakan jenama antarabangsa seperti National, Panasonic, Philips dan Matsushita itu adalah dihasilkan di negara ini.

Oleh itu, menurutnya, adalah menjadi langkah bijak bagi kerajaan untuk menggunakan kepakaran tenaga tempatan yang selama ini menghasilkan barangan terbabit untuk syarikat asing, kepada barangan berjenama tempatan pula.

"Barangan MEC akan memberikan identiti kepada Malaysia kerana bukan sahaja barangan siap akhir akan dihasilkan, malah setiap komponen dan peralatan produk elektrik dan elektronik di negara ini," katanya sempena pelancaran Bandar MEC di Kuantan, baru-baru ini.

Bandar MEC yang akan memberi fokus kepada perkembangan industri pengeluaran peralatan elektrik buatan tempatan dan penubuhan syarikat atau kilang berkaitan dengannya akan dirasmikan oleh Dr Mahathir pada 17 Mac lalu.

Perdana Menteri dalam ucapan merasmikan Bandar MEC itu menyifatkan projek itu adalah sebagai satu lagi usaha sokongan kerajaan untuk mencuba secara besar-besaran bagi memperkenalkan barangan elektrik dan elektronik menggunakan jenama Malaysia.

Katanya, ketika ini, negara membeli terlalu banyak barangan elektrik

dari negara asing. Walaupun syarikat tempatan menguasai teknik dan teknologi membuat barangan itu tetapi rakyat tidak begitu yakin dengan penggunaan jenama kita sendiri.

Pada masa yang sama, bandar itu juga bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat dengan pembukaan sebanyak mungkin industri kecil dan sederhana (IKS) berhampirannya, termasuk kegiatan vendor.

Teong berkata, individu dan syarikat IKS berpeluang mendapat manfaat daripada pertumbuhan bandar MEC kerana mereka boleh menjadi pembekal, vendor atau terbabit dalam pelbagai kegiatan berkaitan dengan keluaran MEC.

Ini bermakna, golongan belia perlu mengorak langkah segera dan mengambil peluang yang diwujudkan dalam Bandar MEC supaya mereka tidak menjadi penonton kepada pembangunan di kawasan itu dan ketinggalan menikmati faedah menerusi Bandar MEC.

Mereka mempunyai banyak peluang membabitkan diri kerana fungsi vendor adalah penting bagi menjamin projek itu mencapai kejayaan. Ini kerana setiap pengeluaran barangan elektrik seperti periuk nasi, peti sejuk, televisyen, peralatan pandang dengar dan penghawa dingin memerlukan vendornya sendiri.

Selain itu, katanya, bandar berkenaan juga menempatkan kilang pengeluaran pendingin hawa dan peti sejuk milik MEC dan bangunan itu berjaya dibina dalam tempoh tiga bulan oleh pemaju projek, MEC Industrial Park Sdn Bhd.

Kawasan Perindustrian itu akan mengandungi pembinaan zon perusahaan MEC, industri perkhidmatan sokongan, penyelidikan dan pembangunan, pusat latihan, zon penempatan dan sosial, pusat komersil dan zon rekreasi serta taman.

Zon Perusahaan MEC seluas 200 hektar itu akan menempatkan 20 kilang utama dan ibu pejabat korporat MEC.

Sehingga kini, Teong berkata, MEC sudah mengeluarkan kira-kira 200 model barangan elektrik. Antaranya ialah peti sejuk bebas klorofloro-karbon (CFC), pendingin hawa, periuk nasi elektrik, set televisyen dan peralatan hi-fi.

Katanya, projek MEC itu bukan sahaja dapat menukar wajah Gambang daripada pekan kecil kepada bandar baru elektronik malah dapat membantu perkembangan sosio-ekonomi penduduk pekan itu.

Ia dijangka menyediakan lebih 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun lagi kerana Gambang yang juga satu-satunya bandar elektronik di Asia Tenggara, akan menjadi pusat pengeluaran barangan elektrik buatan Malaysia yang unggul bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, katanya, bandar berkenaan juga akan mempunyai sekolah, kawasan perumahan pekerja, masjid dan pusat komersil. Pelbagai keistimewaan terdapat di bandar itu, antaranya pengangkutan.

Pengangkutan tidak akan menjadi masalah kerana bandar itu berdekatan Lebuhraya Pantai Timur yang sedang dibina, Jalan Kuantan-Kuala Lumpur dan Jalan Gambang-Segamat.

Ini memudahkan barangan elektrik keluaran bandar itu diedarkan ke seluruh negara. MEC, dalam usahanya memastikan produk yang dikeluarkan bermutu tinggi dan bekalan tenaga kerja berkemahiran tinggi mencukupi, sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan serta pusat latihan kemahiran tinggi akan dibina di kawasan berkenaan.

Katanya, Bandar MEC juga dapat menggalakkan kemasukan kilang IKS untuk bertindak sebagai penyokong kepada Bandar MEC. Beliau berkata, disebabkan projek itu dilaksanakan dengan segera, teknologi asing terpaksa dibawa masuk tetapi berdasarkan yang terbaik dan menjimatkan perbelanjaan.

MEC yang dipegang 60 peratus oleh KLIH dan 30 peratus oleh Khazanah Nasional Bhd juga mempunyai kilang di Balakong, Cheras; dan Bukit Raja,

Klang; manakala sebuah lagi akan dibuka di Pulau Pinang.
(END)